

## Tahap Penguasaan Kemahiran Literasi Menulis Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Tahun Satu

*Level of Literacy in Writing Skills in the Malay Language among Year One Pupils*

Chew Fong Peng  
(Universiti Malaya, Malaysia)  
fpchew@um.edu.my

Saidatul Aliah Amir  
(Sequoia International School, Malaysia)  
saidatulaliah89@yahoo.com.my

**Published:** 16 Jun 2023

**To cite this article (APA):** Chew, F. P., & Amir, S. A. (2023). Tahap Penguasaan Kemahiran Literasi Menulis Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Tahun Satu: Level of Literacy in Writing Skills in the Malay Language among Year One Pupils. *PENDETA*, 14(1), 74–87. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.7.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.7.2023>

### ABSTRAK

Kemahiran literasi menulis merupakan suatu kemahiran asas yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh semua murid di sekolah rendah. Jika kemahiran ini tidak dikuasai akan menyebabkan proses pembelajaran mereka terjejas. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu dalam kalangan murid tahun satu, membandingkan tahap penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu antara murid-murid lelaki dan perempuan serta membandingkan tahap penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu antara sekolah kebangsaan (SK), sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui ujian. Responden kajian ini terdiri daripada 105 orang murid SK, SJKC dan SJKT di sekitar daerah Segamat, Johor dipilih untuk menjawab ujian-tersebut. Kajian ini memfokuskan pada tahap penguasaan murid-murid dalam kemahiran menulis serta perbezaan tahap penguasaan kemahiran literasi dengan jantina dan jenis sekolah. Data yang telah dianalisis menunjukkan bahawa tahap penguasaan murid-murid dalam kemahiran menulis bahasa Melayu keseluruhannya berada pada tahap tinggi. Keputusan juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan tahap penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu antara murid-murid lelaki dan murid-murid perempuan. Manakala keputusan perbandingan tahap kemahiran menulis dalam bahasa Melayu antara sekolah kebangsaan (SK), sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Maka, guru-guru bahasa Melayu perlu memainkan peranan yang penting supaya murid dapat menguasai kemahiran menulis.

**Kata kunci:** Pembelajaran Bahasa Melayu, kemahiran literasi menulis, sekolah rendah

### ABSTRACT

*Writing literacy skills is a basic skill that all primary school students need to learn and master. If these skills are not mastered it will affect their learning process. Therefore, this study was undertaken to determine the level of literacy skills for writing the Malay language among students of one, comparing the level of literacy skills for writing the Malay language among boys and girls, and comparing the level of literacy skills for writing the Malay language among national schools (SK) Chinese national school (SJKC) and Tamil national school (SJKT). This study uses a quantitative approach through testing. The respondents of this study were 105 national primary school students and national types around Segamat district were selected to answer the test. This study focuses on students' level of mastery in writing skills as well as differences in the level of mastery by gender and school type. Data analyzed showed that the level of mastery of reading skills of students in languages other than English was at a high level. The decision also shows that there is a significant correlation level of literacy skill in writing*

*the Malay language among boys and pupils female. The results for the comparative level of writing skills in the Malay language among national schools (SK) National type Chinese schools (SJKC) and Tamil schools (SJKT) also showed no significant differences. Therefore, teachers of the Malay language should play an important role so that students can master the skill of writing.*

**Keywords:** *Malay Language learning; literacy in writing skills; primary schools*

## **PENGENALAN**

Literasi bahasa atau dalam bahasa Melayu pernah juga disebut sebagai “kenal atau celik huruf” atau kemampuan minimum untuk membaca dan menulis dalam sesuatu bahasa. Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO, 2022) menyatakan konsep asal literasi ialah seseorang yang dapat membaca dan menulis suatu pernyataan yang pendek dan mudah dalam kehidupan hariannya. Literasi kini difahami sebagai cara pengenalan, pemahaman, tafsiran, penciptaan, dan komunikasi dalam dunia yang semakin digital, teks-pengantara, kaya maklumat dan cepat berubah. Selain itu, Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD, n. d.) mendefinisikan literasi sebagai keupayaan untuk mengenal pasti, memahami, mentafsir, membuat, berkomunikasi dan mengira, menggunakan bahan-bahan bercetak dan bertulis yang berkaitan dengan konteks yang berbeza-beza. Literasi melibatkan kontinum pembelajaran dalam membolehkan individu mencapai matlamat mereka, untuk mengembangkan pengetahuan dan potensi mereka, dan untuk mengambil bahagian sepenuhnya dalam masyarakat mereka dan masyarakat yang lebih luas.

Menurut Mahzan Arshad (2012), kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran yang amat penting bagi melahirkan seseorang pelajar literasi bahasa yang dapat memperkembangkan akal dan pemikiran melalui penulisan. Kemahiran menulis juga merupakan asas dalam kehidupan moden masa kini kerana perhubungan sesama manusia, sama ada dalam bentuk individu atau kerjaya, menjadikan keupayaan menulis semakin penting. Kemahiran menulis merupakan suatu budaya intelek yang saling melengkapi antara kemahiran membaca dengan menulis. Keupayaan menulis merupakan proses penyaluran maklumat yang bersifat mekanikal dan disalurkan secara bersistem iaitu mengambil kira matlamat, penggunaan bahasa, audiens, dan gaya penulisan. Sehubungan itu, keupayaan membaca dan menulis merupakan suatu kemahiran yang menjadi punca atau asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam pelbagai disiplin ilmu di sekolah. Pencapaian dan kebolehan yang tinggi dalam kemahiran membaca dan menulis pasti dapat meningkatkan penguasaan pembelajaran murid dalam Bahasa Melayu dan mata pelajaran tertentu.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Kemahiran menulis merupakan satu kemahiran yang perlu dikuasai dan dipelajari oleh murid-murid. Menurut Mahzan Arshad (2012), murid-murid perlu diberi peluang untuk menghasilkan penulisan. Ini kerana penulisan merupakan kesinambungan daripada penulisan mekanis dan memberi latihan penulisan bermakna kepada murid-murid di sekolah. Kajian mengenai Pembinaan Rubrik Penulisan Kanak-Kanak mendapati masalah kebanyakan prasekolah kurang menekankan proses penulisan dan lebih tertumpu pada penulisan mekanis sahaja (Suraya Zaidon & Aminah Ayob, 2014). Dari segi lainpunca kemerosotan akademik dalam kalangan murid sekolah rendah dipengaruhi oleh faktor ketidaklancaran menguasai kemahiran membaca dan menulis (Nora’Azian, 2020). Bagi penguasaan kemahiran menulis, tugas guru untuk memupuk kecekapan menulis murid sejak awal usia akan membentuk profesiansi menulis menjadi kebiasaan (Mahzan Arshad, 2016).

Kajian yang dijalankan oleh Abdul Rasid Jamian (2011) mendapati bahawa murid-murid tidak dapat membezakan huruf besar atau huruf kecil melalui pengecaman. Sehubungan dengan itu, kajian literasi awal kanak-kanak yang dijalankan oleh Juppri Bacotang, Adibah Abdul Latif, Nurfarhana Diana Mohd Nor, Siti Farhana Md. Yasin, Connie Shin, Muhamad Suhaimi Taat, Nur Suhaidah Sukor dan Jusiah Idang (2022) mendapati terdapat korelasi positif yang sangat kuat, kuat dan sederhana secara signifikan antara lima konstruk utama, iaitu bahasa dan komunikasi, kesedaran cetak, kesedaran fonologi, kefahaman naratif, dan tulisan awal. Selain itu, kajian Savitry Chelliah dan Norasmah Hj

Othman (2016) menunjukkan kelemahan penguasaan kemahiran membaca, menulis serta bertutur dalam kalangan murid-murid bukan Melayu yang berasal daripada sekolah vernakular memberi impak terhadap pencapaian prestasi akademik mereka. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Chew (2016), didapati murid-murid Cina di SJKC gagal untuk menguasai sebutan dan penulisan bahasa Melayu. Kelemahan penguasaan bahasa Melayu mereka disebabkan faktor ibu bapa yang tidak mengambil berat pelajaran mereka, sikap sendiri yang menganggap bahasa itu tidak penting, dan peluang bertutur dalam bahasa Melayu yang kurang. Kajian Alhaadi Ismail dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2018) pula menunjukkan kesalahan morfologi yang dilakukan oleh murid-murid Cina dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua ialah kesalahan dalam penggunaan imbuhan awalan “di-”, imbuhan awalan “meN-” dan alomorfnya, serta kesalahan dalam pemilihan istilah dalam penulisan murid-murid Cina Tahun 5.

Di samping itu, Ugartini Magesvaran, Zamri Mahamod, dan Irma Maha (2021) mendapati kesalahan aspek struktur ayat adalah kekerapan yang paling tinggi dilakukan oleh pelajar-pelajar Cina sekolah menengah persendirian Cina dalam penulisan karangan Bahasa Melayu, iaitu sebanyak 138 kesalahan berbanding kesalahan penggunaan ortografi secara keseluruhan berlaku sebanyak 92 kesalahan yang merangkumi tiga aspek iaitu kesalahan ejaan, kesalahan huruf besar dan huruf kecil serta kesalahan tanda baca. Dari aspek lain, Nur Eliani Husaini & Che Ibrahim Salleh (2017) mendapati kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh murid-murid bahasa kedua, khususnya murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil merangkumi kekeliruan atau ketidakjelasan struktur ayat, penggunaan kata kerja yang tidak gramatis, dan kesalahan imbuhan dan ejaan.

Laporan Tahunan 2015 dan 2017 (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2013), berlaku penurunan peratusan pelajar yang menguasai kemahiran literasi menulis pada tahun 2015 hingga 2016 iaitu daripada 94.4 % kepada 91.5%. Pemansuhan program LINUS sebagai salah satu intervensi untuk mengurangkan beban tugas guru telah diumumkan pada tahun 2019. Keputusan ini mendatangkan kebimbangan terhadap ibu bapa kerana pendekatan sokongan yang dikendalikan di peringkat sekolah tidak seragam dan masih berada pada tahap yang lemah.

Berikutan landaan pandemik COVID-19 sejak tahun 2020, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM 2020) terpaksa mengubah kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dan ini telah memberi kesan kepada kemajuan literasi Bahasa Melayu murid-murid khususnya di sekolah rendah. Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr. Mohd Radzi Jidin (*Berita Harian*, 1 Julai 2020) menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dan belajar dari rumah didapati kurang berkesan berbanding pembelajaran secara bersemuka. Hal ini disebabkan oleh akses kepada teknologi komunikasi yang terhad dan seterusnya tidak memberi keadilan kepada golongan tertentu seperti murid bekeperluan khas serta murid golongan miskin yang tiada akses kepada pembelajaran dalam talian.

Bagi memperkasa pelaksanaan kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia menambah baik sokongan pembelajaran dengan memperkenalkan Program Pemerikasaan Pelaksanaan Kurikulum (KPMPerkasaKU). Program ini bertujuan memastikan pembelajaran pemulihan bagi murid yang belum menguasai literasi dan numerasi. Pelbagai sokongan bagi mengukuh dan memperkayakan penguasaan kandungan mata pelajaran disediakan untuk semua murid termasuk MBK di sekolah rendah dan sekolah menengah. MBK juga boleh mengikuti pelbagai rancangan TV Pendidikan melalui saluran DidikTV KPM, TV Okey RTM dan Tutor TV Astro. Mereka juga boleh mengakses pelbagai bahan pengajaran dan pembelajaran melalui pelantar Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMA) (*Malaysia Gazette*, 4 Oktober, 2021).

Dari aspek lain, kesan pandemik Covid-19 kepada pendidikan turut menuntut murid-murid untuk beradaptasi dengan sistem dalam talian berbanding kaedah pengajaran konvensional sedia ada. Kajian oleh Abdul Rashid Abdul Aziz et. al. (2020) mendapati terdapat faktor dalaman dan luaran yang menjadi cabaran kepada pembelajaran dalam talian. Mereka menyetengahkan empat elemen utama yang menjadi cabaran dan tekanan kepada pelajar semasa norma baharu. Elemen tersebut ialah penyesuaian sendiri, masalah capaian internet, kelemahan pengurusan masa dan isu kewangan untuk membeli data internet. Masalah ini adalah serius dalam kalangan murid-murid sekolah di mana laporan (*Sinar Harian*, 11 April, 2022) menunjukkan bahawa sebanyak 180 sekolah melibatkan hampir 12,000 murid mengalami masalah tidak menguasai 3M atau literasi dan numerasi di negeri ini.

Risiko keciciran murid-murid dalam pelajaran menjadi isu yang kritikal kerana tidak menguasai kemahiran asas literasi membaca dan menulis yang kukuh di sekolah rendah. Sekiranya masalah ini tidak ditangani, masalah literasi kemahiran menulis akan berterusan hingga peringkat sekolah

menengah dan menyumbang kepada peratusan kegagalan yang tinggi dalam keputusan peperiksaan. Oleh itu, kajian perlu dijalankan terhadap tahap penguasaan literasi menulis di tahap I dan dibuat bandingan penguasaan tersebut dalam kalangan murid SK, SJKC dan SJKT.

## **OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu yang terdiri daripada tahap menulis huruf vokal dan huruf konsonan, menulis suku kata dan menulis perkataan berdasarkan gambar dalam kalangan murid tahun satu.
2. Membandingkan penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu antara murid lelaki dan perempuan.
3. Membandingkan penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu antara SK, SJKC dan SJKT.

Secara khususnya kajian ini dijalankan untuk menjawab tiga soalan kajian yang berikut iaitu:

1. Apakah tahap penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu yang terdiri daripada tahap menulis huruf vokal dan huruf konsonan, menulis suku kata dan menulis perkataan berdasarkan gambar dalam kalangan murid tahun satu?
2. Adakah terdapat perbezaan penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu antara murid lelaki dan perempuan?
3. Adakah terdapat perbezaan penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu antara SK, SJKC dan SJKT?

Daripada soalan kajian 3 dan 4, dua hipotesis nul dibangunkan seperti yang berikut:

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu dengan murid lelaki dan murid perempuan

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penguasaan kemahiran literasi menulis antara SK, SJKC dan SJKT.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **LITERASI MENULIS**

Abdull Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali dan Mohd Hasani Dali (2011) menjalankan kajian kes di Sekolah Kebangsaan Terisu untuk mengenal pasti masalah-masalah utama yang dihadapi oleh murid-murid dalam literasi Bahasa Melayu. Responden kajian ini termasuk 33 orang murid Orang Asli Tahun 5 dan dua orang guru Bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual sebagai metod kajian. Hasil temu bual mendapati bahawa majoriti murid kajian menghadapi banyak masalah dalam pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu seperti sebahagian murid sahaja yang boleh membuat ayat menggunakan perbendaharaan kata yang mudah, ayat yang dibina tidak banyak menggunakan imbuhan, dan penggunaan perkataan bahasa ibunda. Masalah utama yang

dihadapi itu berkait rapat dengan isu budaya, iaitu murid-murid Orang Asli kurang kuat dari segi budaya pembelajaran.

Kesan pembelajaran berasaskan projek melalui penulisan berbentuk risalah bagi menguasai kemahiran menulis dalam kalangan murid di sekolah rendah dijalankan oleh Yahya Othman dan Dk. Suzanawaty Pg. Osman (2014). Pengkaji menggunakan kaedah kuasi eksperimen untuk menjalankan kajian dengan reka bentuk pra dan pasca ujian satu kumpulan. Pengkaji memilih 39 orang murid Tahun 5 dari ebuah sekolah di zon Brunei IIA. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara min pencapaian pembelajaran berasaskan projek melalui penulisan berbentuk risalah dalam ujian pasca,  $t(39) = -12.75$ ,  $p < 0.5$ . Kesimpulannya, pembelajaran berasaskan projek melalui penulisan berbentuk risalah dapat membantu guru untuk meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan murid dan sesuai dijalankan di sekolah-sekolah rendah.

Seterusnya, kajian Chew Fong Peng (2015) terhadap pelaksanaan program Literasi dan Numerasi (LINUS) di sekolah rendah mendapati pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas LINUS adalah lebih menekankan kemahiran membaca berbanding kemahiran menulis memandangkan kemahiran membaca adalah kemahiran asas penguasaan Bahasa Melayu sebelum murid menguasai kemahiran menulis. Dari segi lain, kelas LINUS masih dapat membantu murid untuk membaiki penulisan mereka. Walau bagaimanapun, murid-murid masih menghadapi masalah semasa menjawab soalan yang berbentuk tulisan. Hal ini menunjukkan bahawa penulisan dan soalan berbentuk tulisan adalah dua perkara yang berbeza, dan guru-guru perlu memikirkan strategi pengajaran yang bersesuaian dan relevan kepada murid-murid.

Kajian selanjutnya dilakukan oleh Chew Fong Peng (2018) tentang keberkesanan LINUS di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil mendapat hasil bahawa tahap literasi bacaan dan penulisan murid-murid adalah sederhana. Analisis ANOVA sehala menunjukkan perbezaan yang ketara antara etnik dan jenis sekolah dengan kemahiran membaca dan menulis murid-murid. Murid-murid Sekolah Kebangsaan memperolehi ujian membaca paling tinggi manakala murid-murid Sekolah jenis kebangsaan Cina mendapat keputusan terbaik dalam ujian menulis. Sebaliknya, status sosioekonomi keluarga murid-murid tidak mempengaruhi kemahiran membaca dan menulis mereka. Oleh itu, guru-guru harus mengambil kira faktor etnik dan jenis sekolah dalam melaksanakan program LINUS sebagai faktor utama menentukan tahap literasi, pencapaian, dan kejayaan program LINUS.

Sebaliknya, Wan Nurzuliana Wan Ahmad (2019) menjalankan kajian untuk meneroka amalan guru dari segi kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, insentif dan masa dalam pelaksanaan kemahiran literasi Bahasa Melayu bagi Program LINUS di sekolah rendah. Kajian ini berbentuk kajian kes dengan memilih tiga orang guru Pemulihan Khas yang mengajar kemahiran literasi Bahasa Melayu program LINUS. Tiga orang guru itu terdiri daripada seorang guru dari SK, SJKC dan SJKT masing-masing. Kaedah kajian ialah temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian. Hasil kajian menunjukkan bahawa tiga orang guru Pemulihan Khas ini menggunakan kaedah pengajaran berpusatkan guru dalam pengajaran terhadap murid-murid LINUS. Di SJKT, pengajaran langsung ini dijalankan secara individu berbanding SK dan SJKC yang menjalankan aktiviti kumpulan kecil yang terdiri daripada dua hingga tiga orang murid mengikut tahap penguasaan kemahiran literasi murid dalam satu sesi P&P. Implikasinya guru-guru dapat mengenal pasti tahap pencapaian murid mengikut konstruk yang telah dikuasai manakala pengajaran guru terus memfokuskan cara untuk meningkatkan tahap pencapaian kemahiran literasi murid. Justeru pengajaran guru menjadi lebih berkesan dan berkualiti.

Seterusnya, kajian Nurul Jamilah Rosly dan Nor Zainiyah Zarita Mokhtar (2021) dijalankan untuk mengenal pasti teknik pengajaran literasi bahasa Melayu selain mengenal pasti masalah literasi yang dialami oleh pelajar orang asli di Lenga, Johor. Kajian ini adalah kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif dengan teknik pensampelan bertujuan. Sebanyak lima guru bahasa Melayu dan 23 orang murid Jakun Tahun 1 hingga Tahun 6 sebuah sekolah rendah di daerah Lenga dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kajian mendapati bahawa teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu adalah lancar dan sistematik mengikut keperluan murid. Hasil pemerhatian juga mendapati bahawa murid Orang Asli dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran mengikut pelan aktiviti yang ditentukan oleh guru. Walau bagaimanapun, terdapat masalah utama yang dihadapi dalam literasi bahasa Melayu, iaitu isu motivasi murid- dan sikap ibu bapa masyarakat peribumi dalam memotivasi anak-anak mereka untuk terus belajar. Di samping itu, faktor kesedaran masyarakat Orang Asli yang tidak menganggap pendidikan


sebagai jaminan masa depan mereka untuk terus berjaya. Faktor-faktor ini juga mempengaruhi minat kanak-kanak orang asli untuk terus mempelajari bahasa Melayu.

Mahamod, Mazlan, Amin, dan Abd. Rahman (2021) meneroka tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis dalam kalangan murid daripada keluarga B40. Kajian ini dijalankan di dua buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Hulu Langat, Selangor. Pengkaji memilih 16 orang murid B40 tingkatan 1 sebagai peserta kajian yang terdiri daripada 7 orang murid B40 kaum Cina, 4 orang murid B40 kaum India dan 5 orang murid B40 kaum Melayu. Temu bual berstruktur digunakan sebagai kaedah kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis kesemua murid B40 kajian adalah sangat terhad dan terhad. Murid B40 Cina paling lemah dalam kemahiran membaca dan menulis. Bagi mereka yang tahu menulis, mereka tidak faham maksud apa yang ditulis. Murid B40 India pula menunjukkan kemahiran membaca dan menulis yang baik sedikit daripada murid Cina walaupun ada yang tidak faham apa yang dibaca dan ditulis. Sebaliknya murid B40 Melayu mempunyai tahap penguasaan membaca dan menulis yang paling baik, tetapi masih perlu ditingkatkan. Oleh itu, guru Bahasa Melayu, ibu bapa dan juga murid-murid sendiri perlu bekerjasama menangani masalah kemahiran membaca dan menulis ini.

Di samping itu, Intan Nur Syuhada Hamzah dan Zamri Mahamod (2021) mengenal pasti cabaran dan kesan pembelajaran secara dalam talian terhadap kemahiran literasi membaca dan menulis murid-murid di sekolah rendah. Mereka menjalankan tinjauan terhadap 109 orang murid Tahap 2 di daerah Pekan dan Muadzam Shah, Pahang. Hasil kajian menunjukkan cabaran pembelajaran dalam talian dan kesan pembelajaran dalam talian terhadap kemahiran membaca berada pada tahap sederhana ( $M=2.46$ ,  $SP=0.83$ ) manakala kemahiran menulis berada pada tahap rendah ( $M=2.21$ ,  $SP=0.86$ ). Analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesan pembelajaran dalam talian terhadap kemahiran membaca dan menulis mengikut jantina. Analisis korelasi menunjukkan hubungan yang signifikan antara kadar capaian internet dengan kesan pembelajaran dalam talian terhadap kemahiran membaca dan menulis. Justeru, kajian mendapati kemahiran membaca dan menulis murid Tahap 2 berada pada tahap sederhana memuaskan walaupun pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian.

## KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Rajah 1 merupakan kerangka konseptual kajian berkaitan dengan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu dari segi aspek tahap penguasaan kemahiran menulis huruf vokal dan konsonan, menulis suku kata dan menulis perkataan berdasarkan gambar dalam kalangan murid-murid tahun satu, kebolehan jantina yang menguasai setiap pengetahuan dan jenis sekolah rendah yang terlibat.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Menurut teori perkembangan kognitif Jean Piaget (1972), kanak-kanak akan melalui peringkat perkembangan kognitif yang sama hanya pada usia yang berbeza. Beliau berpendapat bahawa persekitaran tidak membentuk kognitif kanak-kanak, sebaliknya kanak-kanak sendiri yang membina pengetahuan untuk memahami persekitarannya dan menyelesaikan masalah. Pembelajaran hanya akan berlaku apabila wujudnya tindak balas terhadap sesuatu rangsangan yang ada. Proses pembelajaran akan diteruskan jika terdapat motivasi yang sesuai iaitu suatu penggerak yang dapat mendorong mereka berusaha memikirkan erti rangsangan yang diberikan. Proses pembelajaran ini akan berakhir apabila perubahan tingkah laku dapat dibentuk dan dikekalkan. Teori perkembangan kognitif merupakan satu proses pembelajaran yang berlaku dalam akal fikiran dan tidak dapat diperhatikan secara langsung daripada tingkah laku. Menurut teori ini, manusia memiliki struktur kognitif dan semasa proses pembelajaran berlaku, otak akan menyusun segala maklumat di dalam ingatan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan set ujian kemahiran literasi menulis ini bagi mengumpul maklumat berdasarkan jawapan-jawapan yang telah dijawab oleh responden. Lokasi yang dipilih untuk menjalankan kajian ini ialah tiga buah sekolah, iaitu sebuah SK, sebuah SJKC dan sebuah SJKT di daerah Segamat, Johor. Tempat ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana belum ada kajian berkaitan dengan tahap penguasaan kemahiran menulis bahasa Melayu bagi murid tahun satu dan terdapat banyak sekolah jenis kebangsaan di situ. Persampelan yang dipilih ialah berfokuskan kepada murid-murid tahun satu. Persampelan kajian terdiri daripada 105 orang murid-murid tahun satu, iaitu 35 orang murid bagi setiap jenis sekolah.

Set ujian dalam kajian ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A merupakan bahagian latar belakang responden, iaitu jantina, jenis sekolah, kaum dan bahasa pertuturan. Bahagian B pula terdiri daripada 7 item yang dibahagikan mengikut kemahiran menulis. Kemudian, pengkaji telah mengelompokkan 7 item soalan kepada 3 kemahiran berdasarkan ciri-ciri yang sama. Tahap kemahiran menulis pertama ialah menulis huruf konsonan dan vokal yang terdiri daripada item 1 menulis huruf vokal dengan menggunakan huruf kecil dan item 2 menulis huruf konsonan dengan menggunakan huruf kecil. Kedua, tahap menulis suku kata iaitu terdiri daripada item 3 menulis suku kata terbuka, item 4 menulis suku kata tertutup, item 5 menulis suku kata mengandungi diftong dan item 6 menulis suku kata mengandungi 'ng'. Ketiga, tahap menulis perkataan, iaitu item 7 menulis perkataan berdasarkan gambar

Bahagian B bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan kemahiran menulis huruf vokal dan konsonan, kemahiran menulis suku kata dan kemahiran menulis perkataan berdasarkan gambar. Setiap item yang dipilih dalam bahagian ini mempunyai perkaitan dengan tahap penguasaan kemahiran menulis bahasa Melayu murid-murid tahun satu. Pengkaji telah menggunakan skala Likert untuk menentukan pemarkahan yang diberikan seperti berikut: sangat tidak menguasai mendapat satu markah, tidak menguasai mendapat dua markah, sederhana mendapat tiga markah, menguasai mendapat empat markah dan sangat menguasai mendapat lima markah. Instrumen ini diedarkan kepada responden-responden bagi menjawab item-item yang disediakan dalam masa setengah jam.

## PROFIL RESPONDEN

Sebelum perbincangan hasil kajian, terlebih dahulu profil sampel kajian perlu diteliti untuk mendapat gambaran tentang latar belakang murid kajian.

**Jadual 1.** Profil Responden Murid

<b>Demografi (n=105)</b>	<b>Deskripsi</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Jantina	Lelaki	52	49.5
	Perempuan	53	50.5
Jenis sekolah	SK	35	33.3
	SJKC	35	33.3
	SJKT	35	33.3
Kaum	Melayu	42	40
	Cina	27	25.7
	India	36	34.3
Bahasa pertuturan di rumah	Bahasa Melayu	39	37.1
	Bahasa Cina	20	19
	Bahasa Tamil	15	14.3
	Bahasa Campuran	31	29.5
	<b>Jumlah</b>		<b>105</b>

Jadual 1 memaparkan profil responden murid-murid tahun satu sekolah rendah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil. Terdapat 52 (49.5%) orang murid lelaki dan 53 (50.5%) orang murid perempuan. Bilangan ini tidak menunjukkan banyak perbezaan untuk memastikan nilai yang diperoleh untuk menguji tahap penguasaan murid-murid lebih tepat.

Seterusnya, ketiga-tiga jenis sekolah SK, SJKC dan SKJT mempunyai bilangan dan peratusan (35, 33.3%) yang sama. Selain itu, Jadual 2 menunjukkan taburan kaum yang dipilih. Ketiga-tiga jenis kaum yang dipilih mempunyai bilangan dan peratusan yang berbeza, iaitu kaum Melayu 42 orang (40%), kaum Cina 27 orang (25.7%) dan kaum india 36 orang (34.3%). Hal ini demikian kerana terdapat pelajar Melayu yang bersekolah di sekolah jenis kebangsaan Cina. Begitu juga terdapat kaum India yang bersekolah di sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah kebangsaan.

Dari segi bahasa pertuturan di rumah, penutur bahasa Melayu sebanyak 39 (37.1 %) orang, penutur bahasa Cina sebanyak 20 (19%) orang, penutur bahasa Tamil 15 (14.3 %) orang dan penutur bahasa campuran sebanyak 31 (29.5%) orang. Data menunjukkan bahasa Melayu paling banyak dituturkan oleh responden.

## DAPATAN KAJIAN

Kaedah deskriptif digunakan dan semua dapatan yang telah dianalisis akan dipaparkan dalam bentuk jadual yang menunjukkan peratusan, frekuensi, min dan sisihan piawai yang digambarkan oleh skor purata min seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.



**Jadual 2.** Skor Purata dan Interpretasi Min

Skor min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

**Sumber:** Ravichantiran (2007) & Edora (1998)

### TAHAP PENGUASAAN KEMAHIRAN LITERASI MENULIS DALAM BAHASA MELAYU MURID-MURID TAHUN SATU

**Jadual 3.** Kemahiran Menulis Bahasa Melayu Murid-murid Tahun Satu

Kemahiran	Min	Sisihan Piawai
1)Menulis huruf konsonan dan vokal	4.78	0.39
2)Menulis suku kata	4.77	0.36
3)Menulis perkataan berdasarkan gambar	4.17	1.08
<b>Min Purata</b>	<b>4.57</b>	<b>0.61</b>

Berdasarkan jadual 3, kemahiran menulis yang paling dikuasai oleh murid-murid tahun satu ialah tahap menulis huruf konsonan dan vokal yang mencatatkan skor min paling tinggi (M=4.78, SP=0.39). Kemudian, diikuti tahap kemahiran menulis suku kata, iaitu dengan (M=4.77, SP=0.36) manakala tahap kemahiran menulis perkataan berdasarkan gambar berada pada tahap rendah (M=4.17, SP=1.08). Purata min bagi ketiga-tiga tahap kemahiran menulis ini adalah tinggi (M=4.57, SP=0.61).

**Jadual 4.** Kemahiran Menulis Berdasarkan Item Soalan

Kemahiran	STM	TM	SH	M	SM	Min	SP
1) Menulis huruf vokal dengan menggunakan huruf kecil	-	-	-	20 19.00%	85 81.00%	4.81	0.40
2)Menulis huruf konsonan dengan menggunakan huruf kecil	-	-	-	25 23.80%	80 76.20%	4.87	0.34
3)Menulis suku kata terbuka	-	-	-	24 22.90%	81 77.10%	4.77	0.42
4)Menulis suku kata tertutup	-	-	8 7.60%	8 7.60%	89 84.80%	4.77	0.57
5)Menulis suku kata mengandungi diftong	-	-	9 8.60%	8 7.60%	88 83.80%	4.76	0.43
6)Menulis suku kata tertutup 'ng'	-	3 2.90%	8 7.60%	9 8.60%	85 81.00%	4.68	0.74
7)Menulis perkataan berdasarkan gambar	2 1.90%	8 7.60%	17 16.20%	21 20.00%	57 54.30%	4.17	1.08

**STM:** Sangat tidak menguasai  
**TM:** Tidak menguasai  
**SH:** Sederhana  
**M:** Menguasai  
**SM:** Sangat Menguasai

Berdasarkan jadual 4, item soalan yang murid sangat menguasai ialah item soalan 1 kemahiran menulis huruf vokal dengan huruf kecil, iaitu seramai 85 orang (81.0%) dan menguasai seramai 20 orang (19.0%) ( $M=4.87$ ,  $SP=.40$ ), manakala item soalan yang paling rendah dikuasai ialah item soalan 7 menulis perkataan berdasarkan gambar, iaitu seramai 2 orang tidak menguasai (1.90%), tidak menguasai seramai 8 orang (7.6%), sederhana seramai 17 orang (16.2%), menguasai seramai 21 orang (20.0 %) dan sangat menguasai seramai 57 orang (54.3%) ( $M=4.17$ ,  $SP=1.08$ ).

### PERBEZAAN PENGUASAAN KEMAHIRAN LITERASI MENULIS DALAM BAHASA MELAYU MENGIKUT JANTINA

**Jadual 5.** Ujian-t menunjukkan Perbezaan Penguasaan Kemahiran Menulis mengikut Jantina

Kemahiran	Jantina	Min	Sisihan Piawai	<i>t</i>	Sig. (2-tailed)
1)Menulis huruf konsonan dan vokal	Lelaki	4.82	.37	0.818	0.415
	Perempuan	4.75	.41		
2)Menulis suku kata	Lelaki	4.76	.41	-0.195	0.845
	Perempuan	4.78	.31		
3)Menulis perkataan berdasarkan gambar	Lelaki	4.31	1.06	1.287	0.201
	Perempuan	4.04	1.09		

\*  $p>0.05$

Berdasarkan Jadual 5, keputusan ujian-t menunjukkan min bagi kemahiran menulis huruf konsonan dan vokal murid perempuan ( $M = 4.75$ ,  $SP = 0.41$ ) adalah lebih rendah berbanding murid lelaki ( $M=4.82$ ,  $SP=0.37$ ) dengan nilai  $t = 0.818$  dan signifikan pada aras  $p>0.05$ . Ujian-t menunjukkan min bagi kemahiran menulis suku kata murid perempuan ( $M = 4.78$ ,  $SP = .31$ ) adalah lebih tinggi berbanding murid lelaki ( $M=4.76$ ,  $SP=0.37$ ) dengan nilai  $t = -.195$  dan signifikan pada aras  $p>0.05$ . Ujian-t menunjukkan min bagi kemahiran menulis perkataan berdasarkan gambar murid perempuan ( $M = 4.31$ ,  $SP=1.06$ ) adalah lebih rendah berbanding murid lelaki ( $M = 4.31$ ,  $SP=4.04$ ) dengan nilai  $t = 1.287$  dan signifikan pada aras  $p > 0.05$ . Berdasarkan ujian-t di atas, hipotesis nul 1 bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penguasaan kemahiran dengan jantina diterima.

**PERBEZAAN PENGUASAAN KEMAHIRAN LITERASI MENULIS DALAM BAHASA MELAYU ANTARA SEKOLAH KEBANSAAN (SK), SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA (SJKC) DAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL (SJKT)**

**Jadual 6.** Ujian ANOVA Sehalu tentang Perbezaan Kemahiran Menulis dalam Bahasa Melayu antara SK, SJKC dan SJKT

Pemboleh Ubah	Jenis sekolah	Min/SP	Punca Variasi	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
1) MH	SK	4.85/.33	Antara Kump.	0.357	2	0.179	1.170	0.315
	SJKC	4.79/.41	Dalam Kump.	15.571	102	0.153		
	SJKT	4.71/.43						
	<b>Jumlah</b>	<b>4.79/.40</b>		<b>15.929</b>	<b>104</b>			
2)MSK	SK	4.8/.31	Antara Kump.	0.1	2	0.05	0.377	0.687
	SJKC	4.79/.42	Dalam Kump.	13.539	102	0.133		
	SJKT	4.73/.36						
	<b>Jumlah</b>	<b>4.77/.36</b>		<b>13.639</b>	<b>104</b>			
3)MP	SK	4.0/1.14	Antara Kump.	4.343	2	2.171	1.900	0.155
	SJKC	4.06/1.14	Dalam Kump.	116.571	102	1.143		
	SJKT	4.46/.99						
	<b>Jumlah</b>	<b>4.17/1.08</b>		<b>120.914</b>	<b>104</b>			

\*  $p < 0.05$

Daripada Jadual 6, keputusan Ujian ANOVA sehalu menunjukkan perbandingan tahap kemahiran menulis dalam bahasa Melayu antara SK, SJKC dan SJKT mendapati kemahiran menulis huruf konsonan dan vokal bagi murid SK memperoleh skor min tertinggi ( $M = 4.85$ ,  $SP = .33$ ), diikuti SJKC ( $M = 4.79$ ,  $SP = 0.41$ ) dan yang terendah ialah SJKT ( $M = 4.71$ ,  $SP = 0.43$ ). Data yang diperoleh menunjukkan  $F(2, 102) = 1.170$ ,  $p = 0.315$ . Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran menulis konsonan dan vokal dengan jenis sekolah  $p > 0.05$ .

Seterusnya kemahiran menulis suku kata bagi murid SK memperoleh skor min tertinggi ( $M = 4.80$ ,  $SP = 0.31$ ), diikuti SJKC ( $M = 4.79$ ,  $SP = 0.42$ ) dan yang terendah ialah SJKT ( $M = 4.73$ ,  $SP = 0.36$ ). Data yang diperoleh menunjukkan  $F(2, 102) = 0.377$ ,  $p = 0.687$ . Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran menulis suku kata dengan jenis sekolah  $p > 0.05$ .

Akhir sekali, bagi kemahiran menulis perkataan berdasarkan gambar bagi murid SJKT memperoleh skor min tertinggi ( $M = 4.46$ ,  $SP = 0.99$ ), diikuti SJKC ( $M = 4.06$ ,  $SP = 0.1$ ) dan yang terendah ialah SK ( $M = 4.0$ ,  $SP = 1.14$ ). Data yang diperoleh menunjukkan  $F(2, 102) = 1.900$ ,  $p = 0.155$ . Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran menulis perkataan berdasarkan gambar dengan jenis sekolah  $p > 0.05$ . Oleh itu, hipotesis null 2 kajian ini diterima.

## PERBINCANGAN

Bagi tahap penguasaan kemahiran menulis murid-murid tahun satu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden kajian ini berupaya menguasai kemahiran menulis huruf vokal dan konsonan dengan dapat membezakan huruf besar dan huruf kecil antara aksara vokal dan konsonan dengan baik ( $M = 4.78$ ,  $SP = 0.39$ ). Dapatan ini disokong dengan Teori Piaget (1972) mengenai keupayaan responden menguasai

huruf vokal dan konsonan dengan baik adalah dikaitkan dengan pembinaan skema-skema untuk mengenal huruf sekiranya didedahkan dengan pengetahuan huruf vokal dan konsonan. Selain itu, Piaget (1972) juga menyimpulkan bahawa seseorang kanak-kanak perlu menguasai kemahiran membaca sebelum seseorang kanak-kanak itu berjaya menulis. Di samping itu, menurut McCutchen (2006), kanak-kanak prasekolah diajar dengan menulis huruf dan mereka selalu fokus kepada penyalinan. Hasil ini adalah mirip dengan keputusan kajian Chew Fong Peng (2018) yang mendapati murid-murid SK, SJKC dan SJKT bukan sahaja dapat mengenal huruf vokal dan konsonan dengan baik, malahan tahap penguasaan kemahiran menulis mereka adalah tinggi, iaitu 99.2% di mana hanya seorang murid gagal. Namun hasil kajian ini berbeza dengan kajian Abdul Rasid Jamian (2011) mengenai kajian tentang masalah kemahiran menulis yang menunjukkan bahawa murid-murid tidak dapat membezakan huruf besar dan huruf kecil melalui pengecaman ( $M=3.62$ ,  $SP=0.62$ ).

Seterusnya, perbandingan dibuat terhadap tahap penguasaan kemahiran menulis bahasa Melayu antara murid lelaki dan murid perempuan. Analisis ujian-*t* menunjukkan bahawa kemahiran menulis suku kata terbuka, tertutup, suku kata tertutup 'ng' dan diftong bagi murid perempuan ( $M=4.78$ ,  $SP=0.31$ ) adalah lebih tinggi berbanding murid lelaki, iaitu ( $M=4.76$ ,  $SP=0.41$ ). Dapatan ini disokong oleh kajian Ugartini Magesvaran, Zamri Mahamod dan Irma Maha (2021) yang menunjukkan pelajar perempuan melakukan kekerapan kesalahan paling tinggi iaitu 303 kesalahan berbanding pelajar lelaki sebanyak 127 kesalahan. Hasil kajian ini juga didapati sama dengan kajian Noor Habsah Ali dan Yahya Othman (2018) yang menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara penggunaan strategi pembelajaran mengikut jantina, iaitu skor min pelajar perempuan ( $M= 2.09$ ,  $SP=0.799$ ) adalah lebih tinggi daripada pelajar lelaki ( $M= 1.99$ ,  $SP= 0.752$ ).

Namun begitu, dapatan kajian yang dilakukan oleh Ahmad Muaz Muhd Hairi, Nik Nur Syazwani Ibrahim, dan Aziyati Zahirah Asnil Aimi (2020) mendapati tiada perbezaan yang signifikan antara penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak dengan jantina kerana tidak ada perbezaan yang signifikan pada skor lelaki ( $M=2.91$ ,  $SP=0.28$ ) dan perempuan ( $M=2.94$ ,  $SP=0.23$ ,  $t=0.28$ ,  $p=0.77$ ). Kajian Mohd Izzuddin dan Mohd Salihin (2017) juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara sikap pelajar terhadap pelaksanaan kemahiran menulis tugas akademik antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Hal ini menjelaskan bahawa sikap pelajar terhadap pelaksanaan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan jantina adalah sama.

Seterusnya perbandingan penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu dibuat antara SK, SJKC dan SJKT. Analisis ANOVA sehalu mendapati kemahiran menulis huruf konsonan dan vokal bagi murid SK memperoleh skor min tertinggi ( $M= 4.85$ ,  $SP=0.33$ ), diikuti SJKC ( $M=4.79$ ,  $SP=0.41$ ) dan yang terendah ialah SJKT ( $M=4.71$ ,  $SP=0.43$ ). Dapatan ini disokong oleh Chew Fong Peng (2018) dalam kajiannya yang menunjukkan bahawa skor min murid SK ( $M=64.30$ ,  $SP=2.03$ ) adalah paling tinggi berbanding murid SJKC ( $M=63.82$ ,  $SP=2.36$ ) dan SJKT ( $M=60.57$ ,  $SP=5.95$ ) dengan nilai  $F=10.94$ ,  $p<0.05$ . Oleh itu, terdapat perbezaan yang signifikan bagi penguasaan kemahiran menulis Bahasa Melayu mengikut jenis sekolah mengikut kajian kuantitatif. Namun begitu, hasil kajian ini berbeza dengan keputusan kajian Mahamod, Mazlan, Amin, dan Abd. Rahman (2021) yang mendapati bahawa murid B40 Cina paling lemah dalam membaca dan menulis bahasa Melayu berbanding murid B40 India. Akan tetapi murid B40 Melayu tetap menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada rakannya.

Dalam pada itu, guru-guru boleh mengaplikasikan pelbagai bahan bantu mengajar untuk membantu meningkatkan literasi menulis murid-murid. Sehubungan dengan itu, Jaka Warsihna (2016) menyatakan pelbagai jenis teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang boleh digunakan untuk meningkatkan literasi bacaan dan menulis seperti televisyen, internet, e-buku dan buku audio. Internet boleh digunakan memperbaiki literasi membaca dan menulis untuk sesiapa, boleh mencari bahan bacaan dan boleh menulis dengan mudah bila-bila masa. E-buku menggalakkan penulis untuk menerbitkan buku mereka sendiri tanpa penerbit, manakala buku audio memudahkan orang ramai untuk mendengar buku kegemaran mereka dalam apa keadaan. Di samping itu, buku audio juga boleh dibaca dengan iringan muzik dan ilustrasi yang menyokong pemahaman seseorang itu menjadi lebih mudah. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa terdapat pelbagai jenis TMK boleh digunakan untuk meningkatkan literasi membaca dan menulis dengan mengintegrasikan TMK dengan membaca dan menulis.

## IMPLIKASI KAJIAN

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji dapat membantu pihak berkepentingan mengetahui tahap penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu murid tahun satu. Dengan pengetahuan mengenai tahap penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu, pihak terlibat iaitu guru sendiri, pihak sekolah ataupun pihak kementerian dapat mengenal pasti perbezaan tahap kemahiran literasi menulis bahasa Melayu antara murid lelaki dan perempuan serta tahap penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu antara SK, SJKC dan SJKT. Jika masih terdapat kelemahan dalam tahap penguasaan kemahiran menulis ini, semua pihak boleh melakukan penambahbaikan bagi memastikan tahap penguasaan kemahiran menulis berada pada tahap yang baik. Sekiranya tahap penguasaan kemahiran menulis berada pada tahap yang baik, usaha-usaha pengekalannya juga perlu dititikberatkan agar tahap penguasaan kemahiran literasi menulis dapat dikekalkan.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa responden kajian ini berupaya menguasai kemahiran menulis huruf vokal dan konsonan dengan membezakan huruf besar dan huruf kecil antara aksara vokal dan konsonan pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan tahap penguasaan kemahiran menulis huruf vokal dan konsonan berada pada tahap yang baik. Selain itu, tidak terdapat terdapat hubungan yang signifikan tahap penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu antara murid lelaki dan murid perempuan. Seterusnya, keseluruhannya dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran menulis konsonan dan vokal mengikut jenis sekolah. Cadangan untuk meningkatkan tahap penguasaan kemahiran literasi menulis adalah dari segi guru bahasa Melayu perlu memberikan bimbingan dan penumpuan sepenuhnya kepada murid yang lemah. Guru juga memainkan peranan yang dominan dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah yang menarik dan bersesuaian dengan kebolehan murid tersebut

## RUJUKAN

- Abdul Rashid Abdul Aziz et al. (2020). Pengamalan nilai agama dalam mengatasi kemurungan semasa pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5 (12), 31-44.
- Abdul Rasid Jamian, (2011) Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12.
- Abdull Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali & Mohd Hasani Dali (2011). Kanak-kanak minoriti Orang Asli di Malaysia: Menggapai literasi Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 59-70.
- Ahmad Muaz Muhd Hairi, Nik Nur Syazwani Ibrahim, dan Aziyati Zahirah Asnil Aimi. (2020). Tahap penguasaan kemahiran menulis kanak-Kanak 5+ dan 6+ tahun. *Jurnal Kesidang*, 5(1), 99-111.
- Alhaadi Ismail & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Analisis kesalahan dalam penulisan pelajar bahasa kedua dari Aspek morfologi. *Jurnal Linguistik*, 22(1), 24-31.
- Asyikin Asmin. Sabah antara negeri tertinggi murid gagal kuasai 3M. *Sinar Harian*, Diakses pada Januari, 1, 2023 daripada <https://m.sinarharian.com.my/mobile-article?articleid=245961>
- Chew Fong Peng. (2015). Pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi (LINUS) di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 1-11.
- Chew Fong Peng. (2016). Masalah pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 10-22.
- Chew Fong Peng. (2018). Evaluation of the Literacy and Numeracy Screening Program in three types of national primary schools in Malaysia. *Journal of Contemporary Educational Research*, 2(5), 9-20.
- Jaka Warsihna. (2016). Meningkatkan literasi membaca dan menulis dengan teknologi informasi dan komunikasi (TIK). *Kwangsan*, 4(2). 67-80.
- Juppri Bacotang, Adibah Abdul Latif, Nurfarhana Diana Mohd Nor, Siti Farhana Md. Yasin, Connie Shin, Muhamad Suhaimi Taat, Nur Suhaidah Sukor dan Jusiah Idang. (2022). Interkorelasi konstruk bagi kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 13(1), 70–83. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.7.2022>
- KPM akui PdPR ada banyak kekangan – Hang Soon. *Malaysia Gazette*, 4 Oktober, 2021.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya.
- Mahzan Arshad. (2012). *Pendidikan literasi awal kanak-kanak: Teori dan amali*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan.
- Mahzan Arshad. (2016). *Prinsip dan Amalan dalam Pengajaran Literasi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- McCutchen, D. (2006). Cognitive Factors in the Development of Children's Writing. In C. A. MacArthur, S. Graham, & J. Fitzgerald (Eds.). *Handbook of writing research* (pp. 115–130). New York, USA: The Guilford Press.
- Mohd Izzuddin Mohd Pisol & Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi. (2017). Sikap dan keupayaan sendiri pelajar dalam kemahiran menulis tugas akademik. Dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-isu Pendidikan (ISPEN2017)* (hlm 41-46). Bangi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Noor Habsah Ali & Yahya Othman. (2018). Strategi pembelajaran kemahiran menulis bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Melanau daerah Daro. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 33-41.
- Nurul Jamilah Rosly dan Nor Zainiyah Zarita Mokhtar. (2021). Mendepani cabaran literasi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid orang asli Jakun Lenga, Johor: satu tinjauan awal. *Asian Journal of Civilizational Studies*, 3(3), 83-102.
- Nur Eliani Husaini & Che Ibrahim Sa Ileh. (2017). Kesalahan Tatabahasa Melayu dalam pembelajaran Bahasa Kedua. *Mahawangsa*, 4(2), 273 – 284.
- OECD. N.d. Adult Literacy. Diakses pada Januari, 5, 2023 daripada <https://www.oecd.org/education/innovation-education/adultliteracy.htm>
- Piaget, J. (1972). *The psychology of the child*. New York, USA: Basic Books.
- Savitry Chelliah dan Norasmah Hj Othman. (2016). Tahap Penguasaan Bahasa Melayu dengan Pencapaian Prestasi Mata Pelajaran Perniagaan Murid Bukan Melayu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001509. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1509>
- Ugartini Magesvaran, Zamri Mahamod & Irma Maha. (2021). Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah San Min (Suwa) Teluk Intan (Sekolah Persendirian Cina). Dlm. *Proceeding of International Conference on Business Studies and Education (ICBE)* (p. 44-60). Sungai Petani, Malaysia: ICBE Publication.
- Surayah Zaidon, Aminah Ayob, & Othman Ikhsan. (2014). *Pembinaan Rubrik Penilaian Penulisan Kanak-Kanak*, 7, 1394-7176.
- UNESCO. (2022). What you need to know about literacy. Diakses pada Januari, 5, 2023 daripada <https://www.unesco.org/en/education/literacy/need-know>
- Wan Nurzuliana Wan Ahmad. (2019). Amalan guru dalam melaksanakan kemahiran literasi Bahasa Melayu bagi program LINUS di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1), 1-11.
- Yahya Othman & Dk. Suzanawaty Pg. Osman. (2014). Keupayaan Menguasai Kemahiran Menulis melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Nilam dalam Penulisan Berbentuk Risalah di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 19-29.
- Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu Ab. Ghani & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2016). Penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina berdasarkan sikap dan kemahiran bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (1). 38-51.
- Zamri Mahamod, Rohaida Mazlan, Norziah Amin, & Mohd. Zaki Abd. Rahman. (2021). Tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis murid-Murid B40 dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 40-62. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.4.2021>